

BERSAMA JADIKAN ALAM SEKITAR BERSIH, INDAH DAN SELAMAT

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

(Surah Fussilat, ayat: 46)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Kunci kebahagiaan hidup ialah beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT serta beramal soleh. Maka, marilah kita tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dan memperbanyakkan amal kebajikan supaya bahagia di dunia dan akhirat. Ini selaras dengan anjuran Allah SWT melalui firman-Nya:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Yang bermaksud: “Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal- amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa.” (S. Ali-Imran: 133).

HADIRIN MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sudah acapkali kita diuji oleh Allah SWT dengan bencana alam. Selain hujan lebat yang menyebabkan banjir dan kemarau yang menyebabkan kebakaran, jerebu, kemusnahan hutan dan hidupan liar, kita juga diduga dengan gempa bumi, pelbagai jenis penyakit dan bermacam lagi bentuk ujian. Walaupun bencana itu telah menyebabkan banyak kemusnahan harta benda dan meragut nyawa, namun cahaya kesedaran serta keinsafan untuk menghentikan segala aktiviti yang menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar seperti penerokaan hutan secara sewenang-wenang, pencemaran air, pencemaran udara dan sebagainya belum lagi menyerlah.

Akibatnya, kita tidak boleh lagi menikmati udara yang bersih kerana hutan sudah banyak ditebang, kita tidak boleh lagi menikmati ikan yang segar kerana sungai dan laut telah dicemari dengan sisa kumbahan dan sampah-sarap, tidak lagi boleh menikmati sayur yang sihat kerana dicemari sisa toksik dan tidak lagi dapat berehat dengan tenang di rumah kerana bunyi yang terlalu bising dari pelbagai jenis kenderaan dan kilang-kilang perusahaan. Kenyataan ini adalah isyarat jelas bahawa kemusnahan atau kerosakan yang berlaku di atas muka bumi ini adalah angkara manusia sendiri. Ia berakar-umbi daripada sikap segelintir manusia yang mementingkan diri sendiri untuk keuntungan dan atas nama pembangunan.

Dan sebagai Muslim, kita harus melihat kehadiran bencana sama ada yang berupa penyakit mahupun yang berupa musibah banjir, kebakaran, jerebu, peperangan, gempa bumi dan sebagainya itu sebagai peringatan daripada Allah SWT supaya segera mengurangkan kesan kerosakan terhadap alam sekitar kurniaan Illahi yang tidak ternilai ini. Tindakan ini penting kerana segala punca permasalahan alam sekitar adalah perbuatan tangan manusia. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: *“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”* (S. Ar-Ruum: 41).

SAUDARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Hakikatnya, kita memerlukan alam sekitar yang bersih, indah dan selamat daripada aktiviti pencemaran agar hidup kita sentiasa terjamin dan terhindar bencana. Justeru, Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 21 hingga 27 Oktober ini mengajak orang ramai supaya sama-sama menjaga alam sekitar. Objektif sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan orang ramai, mengeratkan dan mempertingkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam pengurusan alam sekitar, dan menggalakkan kerjasama antara pelbagai agensi seperti pertubuhan bukan kerajaan, agensi swasta, individu dan sebagainya dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Dan pastinya, kesedaran alam sekitar bermula dari dalam diri individu sendiri dan tindakan yang diambil pula adalah pilihan menurut kapabiliti dan kapasiti masing-masing. Yang penting, buatlah pilihan yang bijak dengan kesedaran, pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan fizikal. Ia adalah cara bagi menghargai kepentingan alam sekitar yang mana kejayaan memulihara alam sekitar tentunya memerlukan kerjasama bersepadu daripada setiap lapisan masyarakat.

Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama. Semua pihak harus memastikan alam sekitar yang kita huni ini berada dalam keadaan bersih, indah dan selamat bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Meskipun ada yang berpendapat bahawa kemusnahan alam sekitar tidak dapat dielak jika mahu mengejar pembangunan dan kemajuan ekonomi, namun ia bukan alasan untuk terus rakus mengeksploitasi hasil hutan dan hasil bumi lainnya sehingga melakukan kerosakan.

Manusia dilarang melakukan sebarang bentuk kerosakan di bumi ini kerana ia boleh menjejaskan kehidupan makhluk yang menghuni bumi ini. Ini sebagaimana firman Allah SWT:

... وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: “dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) yang berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.” (S. Al-Qasas: 77).

Oleh hal yang demikian, kayu balak dan pepohon Hutan lain yang ditebang untuk pelbagai tujuan perlu ditanam semula bagi melestari ekosistem bumi. Tumbuh-tumbuhan seperti pokok kayu mempunyai peranan mengekalkan kelembapan tanah sekali gus melindungi kawasan tadahan air dan menyerap air hujan yang berlebihan dari langit. Proses ini dapat mengurangkan risiko terjadinya banjir dan tanah runtuh.

Selain itu, pokok kayu dan tumbuh-tumbuhan juga berfungsi mengeluarkan oksigen sebagai keperluan manusia selain menyerap karbon dioksida yang dihasilkan oleh manusia dan jentera bermotor. Ini bermakna, proses penghijauan alam sekitar dengan menanam pokok dan tumbuh-tumbuhan mesti dijadikan sebahagian daripada agenda pembangunan kerana ia menjadi komponen penting dalam melestarikan kelangsungan hidup manusia dan kelangsungan hidupan liar berserta habitatnya.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sesungguhnya tidak ada makna kemakmuran dan kesejahteraan hidup sekiranya kita tidak boleh lagi menikmati alam sekitar yang bersih dan indah. Jadi, alam sekitar yang cantik, pantai yang putih bersih, laut membiru, hutan menghijau dan sumber asli yang tidak ternilai harganya yang dikurniakan Allah SWT kepada negeri kita ini wajib kita syukuri dengan terus memuliharkannya. Segala elemen yang mencemar kemurniannya hendaklah kita tangani dengan bijaksana. Ini termasuklah memastikan sampah-sarap, bahan kumbahan dari kawasan perumahan, kawasan perindustrian, kawasan penternakan dan kawasan perladangan tidak menjejaskan kualiti alam sekitar.

Sehubungan itu, konsep 3R yang merujuk kepada amalan mengurangkan sampah-sarap, mengguna semula barangan yang masih boleh digunakan dan kitar semula harus menjadi budaya hidup kita semua terutama sekali masyarakat yang tinggal di Bandar. Demikian juga halnya dengan pengasingan sampah mengikut jenis yang boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula seharusnya kita laksanakan mulai saat ini tanpa menunggu penguasaan undang-undang mengenainya. Ini kerana, langkah ini bukan sahaja dapat mengatasi kepadatan tapak pelupusan sampah, ia juga dapat meningkatkan aktiviti penghasilan produk kegunaan manusia melalui proses kitar semula sekali gus memelihara kemurnian alam sekitar.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Allah SWT berfirman:

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: “Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegarkan mereka; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai mencapai keperluan rohani dan jasmani.” (S. Al-Anbiyaa’: 31).

Berpandukan kepada mafhum firman Allah SWT tersebut, adalah jelas bahawa kita tidak boleh mengabaikan kepentingan memulihara alam sekitar dalam kesibukan kita meningkatkan pembangunan dan kemajuan hidup. Alam sekitar yang bersih atau tidak tercemar amat penting bagi kesejahteraan hidup semua makhluk alam ini.

Malah, alam sekitar yang kekal murni dan indah menjadi daya penarik pelancong dari dalam dan luar negeri berkunjung ke negeri ini. Kedatangan pelancong akan membantu industri pelancongan berkembang dengan pesat. Ini secara langsung membuka pintu rezeki kerana ia membuka banyak peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Justeru, sama-samalah kita hargai dan syukuri kehijauan bumi dan kekayaan biodiversity yang Allah SWT anugerahkan kepada Negara kita melalui penyertaan dalam program-program kempen cintai alam sekitar. Melalui program ini kita dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar, seterusnya bersedia berbakti memastikan alam yang kita huni ini menjadi tempat yang bersih, indah dan selamat untuk semua makhluk hingga ke hari kiamat.

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٥٧﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang melakukan perkara yang tidak diredai Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghinakan.” (S. Al-Ahzab: 57).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah